

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian keterangan produk (PDS) ini menyediakan maklumat penting mengenai takaful kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, **anda harus membacanya juga.**



**TAKAFUL IKHLAS GENERAL
BERHAD**
(Ahli PIDM)

Dilaksanakan di bawah Akta
Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara
Malaysia

Tarikh:

1

Apakah Eco Saving Personal Accident Takaful?

Eco Saving Personal Accident Takaful diperkenalkan secara eksklusif untuk pelanggan-pelanggan Bank Simpanan Nasional yang menyediakan perlindungan kewangan terhadap kemalangan pada bila-bila masa dan di mana sahaja di seluruh dunia.

Sijil Takaful ini menyediakan pampasan sekiranya berlakunya kecederaan atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh keganasan, keadaan tidak sengaja dan faktor luaran yang ketara. Musibah ini mestilah disebabkan oleh kemalangan, tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan. Manfaat yang dibayar di bawah perlindungan ini adalah seperti berikut:

Manfaat	Amaun Perlindungan (RM)
Kematian Akibat Kemalangan	25,000
Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	50,000
Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan	2,000
Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kediaman	1,000 setiap tuntutan
Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kenderaan Bermotor Persendirian	1,000 setiap tuntutan
Elaun Kesulitan untuk Kerugian Sepenuhnya kepada Motosikal Akibat Banjir	500

Nota:

- Sila rujuk skala pampasan untuk kematian dan hilang keupayaan di dalam Sijil Takaful. Anda dikehendaki memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.
- Perlindungan hanya berkuat kuasa di luar waktu bertugas bagi kakitangan beruniform (Polis, Tentera, Bomba, dsb) dan kakitangan Kelas 4 iaitu mereka yang berkerja sebagai pekerja manual melibatkan penggunaan peralatan jentera berat dan mesin, termasuk mereka yang terlibat dalam tugas berisiko tinggi atau berbahaya. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

Konsep Syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- Tabarru' – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan sebanyak RM25,000, untuk pekerja pejabat berumur 30 tahun dan sumbangan tahunan sebanyak **RM60**, anda akan menerima **manfaat** seperti berikut:

Sijil ini melindungi:	Sijil ini tidak melindungi:
Kematian Akibat Kemalangan – RM25,000 Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir – RM50,000 Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan – RM2,000 Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kediaman – RM1,000 setiap tuntutan Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kenderaan Bermotor Persendirian – RM1,000 setiap tuntutan Elaun Kesulitan untuk Kerugian Sepenuhnya kepada Motosikal Akibat Banjir – RM500	- Orang yang Dilindungi melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undangundang - Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan rakyat di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut - Penglibatan di dalam aktiviti keganasan

Tempoh perlindungan selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03 – 2723 9696



Lawati kami di:
<https://www.takaful-ikhlas.com.my/>



Emel kami di:
ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi Sijil Takaful kemalangan diri ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM55.56 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	-
*Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar ialah RM55.56	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem (dibayar oleh pemilik Sijil Takaful Induk)	RM10.00
Yuran Wakalah → Perbelanjaan pengurusan (35%) → Komisen (25%)	RM19.45 RM13.89
Cukai Perkhidmatan (mengikut kadar semasa)	RM4.44
Jumlah Sumbangan Takaful yang Perlu Dibayar	RM60.00

Nota: *Sumbangan Takaful yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan yang anda pilih. Sumbangan asas takaful ini merangkumi yuran Wakalah yang terdiri daripada Perbelanjaan Pengurusan dan Komisen.

4 Syarat Utama Lain

- Had Umur: 18 tahun sehingga 80 tahun (umur pada hari lahir akan datang).
- Jika Peserta Takaful adalah selain daripada Orang yang Dilindungi, Peserta Takaful mestilah mempunyai kepentingan takaful yang dibenarkan terhadap Orang yang Dilindungi pada permulaan Sijil Takaful ini dan pada masa manfaat dibayar.
- Anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat yang relevan dan tepat semasa memohon takaful ini. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Kami akan membayar pampasan di atas Kematian atau Hilang Keupayaan berdasarkan kepada "Skala Pampasan" yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama.
- Sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu (1) Sijil Takaful Kemalangan Diri yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat (sama ada berkelompok atau individu), Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat manfaat tambahan memandangkan pampasan hanya dibayar untuk setiap satu (1) kemalangan. Walau bagaimanapun, bayaran untuk manfaat kematian tidak menghalang pembayaran di bawah peruntukan sijil ini.
- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau endorsemen / pembaharuan Sijil Takaful.
- Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Dimaklumkan bahawa sebarang tuntutan yang dibuat di bawah Sijil Takaful ini boleh memberi kesan terhadap syarat dan kadar caruman bagi pembaharuan sijil pada masa hadapan. Berdasarkan rekod tuntutan anda, Takaful Ikhlas General Berhad berhak untuk menyemak dan melaras semula kadar caruman, perlindungan atau kelayakan pembaharuan mengikut garis panduan pengunderaitan syarikat.

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami namun anda tidak layak untuk mendapat balik bayaran Sumbangan Takaful.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda

[] Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas General Berhad telah memberikan saya salinan PDS.

[] Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.

* Pengakuan Pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mencari penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian terhadap terma dan syarat produk ini di kemudian hari.

Nama:

Tarikh:

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).